

Unit 2

PERATURAN BILIK SAINS

Sebaik-baik sahaja murid-murid tahun 3 meninggalkan bilik sains, Si Bikar dan Si Tabung Uji berbual-bual tentang aktiviti yang telah dijalankan oleh murid-murid tersebut.



Apakah yang akan berlaku sekiranya murid tidak berhati-hati semasa mengendalikan peralatan kaca di bilik sains?

Mematuhi Peraturan Bilik Sains

Peraturan bilik sains perlu sentiasa dipatuhi dan diamalkan. Apakah peraturan bilik sains yang perlu kita patuhi?

Membuka pintu dan tingkap sebelum memulakan aktiviti

Mengapakah kita perlu membuka pintu dan tingkap sebaik-baik sahaja memasuki bilik sains?



Memakai kasut yang bertutup

Eh, awak tak pakai kasut! Bahaya nanti semasa kita berada di dalam bilik sains.



Memakai kasut juga merupakan peraturan sekolah. Mengapakah kita perlu sentiasa memakai kasut ketika berada di dalam bilik sains?



Mengambil peralatan sains dengan cermat dan tertib



Apakah yang akan terjadi sekiranya semua murid berebut-rebut semasa mengambil peralatan sains?

Menjaga kelengkapan dan peralatan bilik sains



Apakah tindakan kamu sekiranya ternampak situasi seperti ini?



Menutup suis kipas dan lampu apabila meninggalkan bilik sains



Mengapakah kita perlu menutup suis kipas dan lampu apabila meninggalkan bilik sains?

Buku Aktiviti
Halaman:

15-16

Adakah Saya Mematuhi Peraturan Bilik Sains?

Peraturan bilik sains dapat mendisiplinkan kita dan boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

Adakah kamu sentiasa mengamalkan peraturan bilik sains?



Mari kita lihat senarai semak peraturan bilik sains di bawah.



Adakah Saya Mematuhi Peraturan Bilik Sains?

Tandakan ☒ peraturan bilik sains yang telah kamu amalkan.

1. Saya beratur sebelum memasuki bilik sains. 
2. Saya memakai kasut yang bertutup di dalam bilik sains. 
3. Saya tidak makan dan minum di dalam bilik sains. 
4. Saya meletakkan beg sekolah di luar bilik sains. 
5. Saya membuka pintu dan tingkap apabila masuk ke bilik sains. 
6. Saya tidak berlari atau bermain semasa berada di dalam bilik sains. 
7. Saya mengambil peralatan sains dengan cermat dan tertib. 
8. Saya tidak melakukan aktiviti tanpa arahan guru. 
9. Saya segera memaklumkan kepada guru jika berlaku kecederaan atau kerosakan peralatan sains. 
10. Saya membersihkan peralatan sains yang telah digunakan. 
11. Saya menutup suis kipas dan lampu apabila meninggalkan bilik sains. 

Tandatangan,

.....
Nama :

Tarikh :

NOTA GURU

- Minta murid menyalin semula senarai semak peraturan bilik sains di dalam buku latihan Sains.

Buku Aktiviti
Halaman:

15-16



Langkah-langkah

1. Hasilkan kipas tangan menggunakan alat dan bahan mengikut kreativiti kamu.
2. Taip dan cetak semua peraturan bilik sains yang telah kamu pelajari, kemudian tampal pada kipas tangan tersebut.



Ingat Semula

Peraturan Bilik Sains

1. Sebelum Menjalankan Aktiviti

- Membuka semua pintu dan tingkap sebaik sahaja memasuki bilik sains supaya mendapat cahaya dan aliran udara yang baik.
- Memakai kasut yang bertutup ketika berada di dalam bilik sains bagi mengelakkan kecederaan.

2. Semasa Menjalankan Aktiviti

- Mengambil peralatan sains dengan cermat dan tertib bagi mengelakkan peralatan atau bahan sains terjatuh.
- Tidak menconteng meja dan merosakkan peralatan sains supaya bilik sains sentiasa bersih dan kemas.

3. Selepas Menjalankan Aktiviti

- Menutup suis kipas dan lampu apabila meninggalkan bilik sains bagi mengelakkan pembaziran elektrik.

Mari Jawab

Jawab semua soalan yang berikut dalam buku latihan Sains.
Mari bermain sambil belajar dengan menjawab soalan-soalan berikut.

Arahan

1. Jawab soalan bermula dari tangga paling bawah.
2. Sekiranya betul, teruskan ke tangga yang berikutnya.
3. Sekiranya salah, sila buat rujukan untuk mendapatkan jawapan.
4. Teruskan menjawab soalan sehingga ke tangga terakhir.



KBAT

Selain di bilik sains, di manakah peraturan ini boleh diamalkan?

TAHNIAH



Kamu terlihat rakan menggunakan peralatan sains yang telah pecah. Apakah tindakan kamu?

5

Guru mula memberikan arahan supaya setiap murid mengambil satu kanta tangan dan satu spesimen. Apakah yang akan berlaku jika:
(i) murid berebut-rebut? (ii) murid beratur?

4

Bolehkah kita melakar spesimen pada permukaan meja di bilik sains? Mengapa?

3

Bagaimanakah suasana di dalam bilik sains jika aktiviti dijalankan dalam keadaan semua pintu dan tingkap tertutup?

2

Nyatakan lima peraturan bilik sains yang perlu kamu amalkan.

MULA



1